

vT\ r>4

—^i PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUAABELAS 2010

Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian

HARI SELASA: 14 DISEMBER 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8,10 HINGGA 40)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7 DAN 9
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN : NEGERI
DARIPADA menyatakan langkah-langkah yang diambil
TARIKH SOALAN oleh Kerajaan dan keberkesanannya
dalam:-
%
JAWAB LISAN (a) memperkasakan hubungan ekonomi
Y.B. Dato' Seri antara Negara-negara OIC; dan
Abdul Hadi bin (b) memperkuuhkan pertukaran teknologi
Awang 14 antara negara-negara anggota.

Disember 2010
Dato' Seri Abdul
Hadi bin Awang
[Marang] minta
MENTERI LUAR

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Marang di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kerajaan Malaysia sentiasa memberi tumpuan dan sokongan sepenuhnya dalam memperkasakan hubungan ekonomi negara-negara Islam. Dalam hal ini, Malaysia mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan tindakan susulan Program Tindakan 10 Tahun OIC yang antara lain turut menjurus kepada usaha untuk mengeratkan kerjasama ekonomi serta sains dan teknologi antara negara anggota.
3. Dalam usaha memperluaskan skop hubungan dagangan antara negara-negara OIC, Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi, dengan izin, *Framework Agreement on Trade Preferential System (TPS OIC); Protocol On the Preferential Tariff Scheme for TPS-OIC (PRETAS)* dan *TPS-OIC Rules of Origin (TPS-OIC RoO)*. Tujuan perjanjian-perjanjian ini adalah untuk mencapai sasaran ke arah 20% nilai dagangan antara negara

negara anggota OIC menjelang tahun 2015.

4. Malaysia juga menerajui inisiatif Program Bina Upaya dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi mengurangkan jurang kemiskinan di kalangan negara anggota OIC yang mundur. Program ini bertujuan mengukuhkan pembangunan melalui peningkatan pembinaan keupayaan di bidang pembangunan sumber manusia, kemahiran pengurusan dan pembangunan prasarana.
5. Selain itu, Malaysia selaku peneraju Forum Ekonomi Islam Sedunia atau dengan izin, *World Islamic Economic Forum* (WIEF) telah berjaya menyediakan platform bagi ketua negara dan kerajaan, ahli perniagaan, pakar ekonomi dan masyarakat antarabangsa untuk berinteraksi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi komuniti Islam sedunia melalui kerjasama ekonomi dan usaha sama perdagangan. Sekretariat WIEF yang beribu pejabat di Kuala Lumpur sehingga kini telah berjaya menganjurkan enam sesi Forum WIEF sejak 2005.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Antara usaha untuk memperkuatkan pertukaran teknologi di kalangan negara anggota OIC, Malaysia telah menubuhkan Pasukan Respon Kecemasan Komputer Pertubuhan Persidangan Islam (OIC-Cert) pada tahun 2009. Setakat ini, keanggotaan OIC-Cert terdiri daripada institusi dari 20 buah negara. OIC-Cert yang merupakan institusi bersekutu OIC berperanan untuk meneroka dan membangunkan inisiatif bersama dalam memperkuatkan pertahanan ruang siber daripada ancaman jenayah siber.
7. Malaysia juga turut menganjurkan beberapa kursus bina insan bagi Pegawai-pegawai Kanan Pengurusan Sains dan Teknologi negara-negara OIC di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Program ini direka bagi membantu negara-negara membangun OIC melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran Malaysia di dalam bidang Sains dan Teknologi. Sehingga kini, lebih seratus orang pegawai kanan telah berjaya mengikuti kursus tersebut.
8. Malaysia juga merupakan antara negara perintis yang telah membangunkan Projek Atlas Inovasi Dunia Islam. Projek ini bertujuan untuk merangka serta mencari kaedah mengurangkan

kemiskinan dan menyumbang kepada pembangunan mapan negara-negara OIC melalui sains dan teknologi.

9. Kesimpulannya, Malaysia akan terus komited dalam usaha memajukan pembangunan ekonomi negara Islam melalui perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah digariskan dalam Program Tindakan 10 Tahun OIC. Di samping itu, kerjasama dalam bidang sains dan teknologi dengan negara anggota OIC akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa.

PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN** **No: 10**
DARI PAD **DR. HIEW KING CHEU (KOTA**
A **KINABALU)**
TARIKH **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
 DEWAN RAKYAT
 14 DISEMBER 2010

SOALAN **10**

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di naik taraf disebabkan landasan tersebut tidak rata dan membahayakan kapal-kapal terbang apabila mendarat dan hendak berlepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dinaiktaraf bagi tujuan menampung keperluan operasi pesawat yang lebih besar iaitu Boeing 747-400 dan Airbus 380. Selain itu, ia adalah bagi menampung kapasiti trafik penumpang yang lebih tinggi iaitu daripada 3.9 juta penumpang setahun kepada 9 juta penumpang setahun.

Sehubungan itu, adalah tidak benar dakwaan bahawa KKIA dinaik taraf disebabkan landasan tersebut tidak rata dan membahayakan kapal-kapal terbang apabila mendarat dan hendak berlepas.

SOALAN NO:..11.
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [
SEKIJANG]

TARIKH 14 DISEMBER 2010

SOALAN :

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuat peraturan atau mendapatkan pandangan Majlis Fatwa berikutan tempat- tempat ibadat orang-orang Islam telah mula di cemar oleh pihak-pihak tertentu.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHRAM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menjaga dan memelihara kesucian tempat ibadah orang Islam seperti masjid dan surau supaya ia tidak dicemari dengan perkara-perkara yang boleh merendahkan dan menafikan kesucian rumah-

rumah ibadah ini. Tanggungjawab untuk memantau dan mempastikan supaya masjid dan surau terhindar daripada perkara-perkara yang mencemarkan kesuciannya adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri seperti Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Mufti Negeri.

Namun, pihak Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Muzakarah Fatwa Kebangsaan telah membincangkan dan memutuskan beberapa isu berkaitan bagi memelihara kesucian tempat ibadah ini. Contohnya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ugama Islam 9 MKI) yang telah bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan hukum pelancong bukan Islam memasuki masjid. dan ruang solat utama masjid. Muzakarah telah memutuskan bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan daripada pihak pengurusan masjid serta tingkah laku dan perlakuan tidak mencemarkan kesucian masjid di samping sentiasa terkawal dan beradab. Walaubagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam kadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang.

Pihak kerajaan melalui JAKIM juga telah mewujudkan satu Garis Panduan Pelancongan Masjid untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat. Antara isi kandungan garis panduan tersebut adalah , kawasan lawatan yang boleh dimasuki oleh pelancong bukan Islam termasuk ruang solat utama dengan syarat mendapat keizinan pihak Pengurusan Masjid selagi perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan

beradab. Pelancong masjid juga dilarang untuk melakukan sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka seperti berdoa atau bertafakur ketika di dalam masjid.

Berdasarkan garis panduan ini serta keputusan muzakarah fatwa kebangsaan, ia boleh dijadikan rujukan dan panduan bagi pihak berkuasa agama negeri-negeri untuk memelihara dan menjamin kesucian dan ketinggian institusi masjid daripada dicemari. Keputusan muzakarah dan garis panduan yang disebutkan juga telah menekankan isu keizinan pihak pengurusan masjid dalam membenarkan dan mengizinkan institusi dimasuki oleh pelancong/ pelawat bukan Islam. Maka jika pihak berkuasa dan pengurusan masjid telah menetapkan peraturan-peraturan tertentu yang lebih khusus di dalam mengizinkan masjid dan ruang solat dimasuki dan digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu, maka ia seharusnya dihormati dan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT	
PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF (BALIK PULAU)
TARIKH	14.12.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian dan kerjasama yang boleh diberikan mengenai cadangan menaik taraf Sekolah Agama Al Mashoor Al Islami (Sungai Batu, Balik Pulau), sebagai Kolej Islam Negeri mengambil kira profil sejarah sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Agama Al-Mansor Al-Islami (Sungai Batu, Balik Pulau) telah didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pada masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum bercadang untuk menjadikannya Kolej Islam Negeri. Walau bagaimanapun, sekiranya sekolah tersebut bercadang untuk dijadikan Kolej Islam Negeri, pihak Lembaga Pengelola Sekolah perlu mengemukakan permohonan kepada KPM untuk dipertimbangkan.

SULIT

No: 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]**

TARIKH

14 DISEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 13

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan statistik dan sebab lulusan sekolah menengah yang selepas tamat pengajian serta berjumlah besar tak ditemui dalam tenaga kerja ekonomi atau institusi-institusi pendidikan yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai maklumat mengenai statistik seperti yang diminta. Walau bagaimanapun, Kementerian berpendangan bahawa lepasan sekolah yang tidak ditemui di dalam pasaran kerja dan mana-mana institusi-institusi pendidikan adalah berdasarkan beberapa sebab:

- i. Sebahagian besar daripada mereka menjalankan pekerjaan sendiri (*self-employed*) termasuklah di kawasan luar bandar dan pendalaman, ada di kalangan mereka yang menjalankan kerja-kerja kampung seperti nelayan, bertani secara kecil-kecilan dan lain-lain pekerjaan. Mereka bukan pembayar cukai dan tidak mencarum KWSP dan SOCSO. Oleh itu, KBS tidak dapat memberi maklumat dan data yang lengkap.
- ii. Bagi wanita, mungkin ada di antaranya yang telah berkahwin dan menjadi suri rumah sepenuh masa.
- iii. Berkemungkinan juga ada di antaranya yang tidak bekerja atau menganggur.

Soalan No : 14

**PEMBERITAHU SULIT |
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SULIT

No: 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

**Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)**

TARIKH

14.12.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan terbaru pembinaan 7 buah SJK(C) baru yang diluluskan oleh Kementerian dan status perkembangan 13 buah SJK(C) yang dibenarkan berpindah ke tapak baru oleh Kementerian semasa kempen pilihan raya 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada semua tanpa mengira kaum dan agama di negara ini. KPM sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah yang terdapat di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perpindahan dua buah sekolah SJK(C) telah siap dan mula beroperasi pada tahun ini iaitu SJK(C) Tai Hong berpindah dari Kota Tinggi ke Taman Impian Emas, Johor Bahru dan SJK(C) Pai Tze dari Bukit Serampang ke Setia Eco Gardens, Johor Bahru.

Manakala untuk perpindahan SJK(C) Bandar Bukit Tangga, Bukit Beruntung, Selangor sebanyak RM 3 juta; SJK(C) Pay Fong 1, Crimson, Krubong, Melaka - RM 3 juta; SJK(C) Pumpong, Alor Setar - RM 3 juta; SJK(C) Tung Hwa, Seremban - RM 3.8 juta; SJK(C) Wu Teck, Bandar Parkland, Klang -RM 3 juta; SJK(C) Pei Chih, Bandar Desa Cemerlang, Johor Bahru- RM 3 juta dan SJK(C) Kiow Min, Taman Perkasa, Alor Gajah , Melaka - RM 2.3 juta telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan proses pembinaan sedang berjalan. Sementara itu, SJK(C) Emerald Rawang -RM 3.5 juta telah selesai pemerolehan tapak sekolah.

Manakala selebihnya pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dalam proses membuat perolehan tanah, penyediaan pelan bangunan, atau mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk kelulusan oleh pihak berkuasa tempatan.

Soalan No : 15

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)
TARIKH	14.12.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperkasakan status bahasa kebangsaan supaya menjadi bahasa perpaduan dan mempunyai nilai komersil bertetapan dengan slogan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak dengan Perlembagaan, undang-undang dan akta yang berkaitan dengan bahasa Melayu, kerajaan telah banyak melakukan usaha untuk memelihara kedudukan dan martabat bahasa Melayu di negara ini. Usaha memperkasakan bahasa Melayu telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), khususnya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Usaha-usaha tersebut turut dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang lain, seperti Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB); dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan sokongan agensi-agensi kerajaan yang lain, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

KPM melalui DBP telah berusaha membina dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa yang digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di Malaysia. Korpus bahasa yang lengkap dan mantap dalam aspek istilah, tatabahasa dan sistem ejaan telah dihasilkan. Lebih daripada satu juta istilah dalam pelbagai bidang ilmu telah digubal, dan sejumlah 866,650 telah diterbitkan untuk panduan masyarakat. Selain itu sejumlah 78 judul kamus, 223 judul glosari istilah dan 9,615 judul buku telah diterbitkan dan disebarluaskan. Usaha-usaha ini membantu memperkasakan dan meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa yang digunakan dalam pelbagai bidang ilmu.

Usaha-usaha memperkasakan bahasa Melayu juga ditingkatkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bagi tempoh 2006-2010. Pemerkasaan bahasa kebangsaan telah dijadikan salah satu program utama di bawah teras pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan iaitu Membina Negara Bangsa. Pelbagai program ke arah memperkasakan bahasa Melayu telah dan sedang dilaksanakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ini, khususnya dalam sektor pendidikan negara. Antaranya ialah pelbagai bengkel berkaitan bahasa dan penghayatan sastera untuk guru dan pelajar, forum, seminar, pertandingan, kursus, Minggu Penulis Kanak-kanak, Minggu Penulis Remaja dan lain-lain.

Seterusnya, sebagai langkah untuk memperkasakan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006 bertajuk *Langkah-langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam*, yang memaklumkan langkah-langkah untuk memperkasakan bahasa kebangsaan yang baik, betul dan santun, serta memperluas penggunaannya dalam perkhidmatan awam. Antara kandungan pekeliling tersebut ialah tentang tanggungjawab kementerian/jabatan/agensi awam dalam memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam dengan mengambil tindakan yang berikut:

- i. Memastikan semua pegawai dan kakitangan kerajaan menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dalam semua urusan rasmi (kecuali urusan yang melibatkan negara asing dan untuk tujuan melatih pegawai dan kakitangan supaya fasih berkomunikasi dalam bahasa asing);
- ii. Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa;
- iii. Menjalankan latihan dan menganjurkan aktiviti secara berterusan yang bertujuan meningkatkan kemahiran dalam bahasa kebangsaan di kalangan pegawai dan kakitangan;
- iv. Memastikan buku, bahan rujukan atau risalah pedoman bahasa kebangsaan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam edisi terkini disediakan untuk kegunaan semua pegawai dan kakitangan; dan
- v. Mendapatkan khidmat nasihat Dewan Bahasa dan Pustaka.

Seterusnya, bagi menerapkan rasa cinta terhadap bahasa kebangsaan yang menjadi alat pemersatu rakyat berbilang kaum di negara ini, kerajaan juga telah memutuskan supaya Bulan Bahasa Kebangsaan yang diadakan pada setiap bulan Oktober setiap tahun dijadikan antara agenda tahunan negara. Program Bulan Bahasa Kebangsaan ini mengukuhkan jati diri bangsa menerusi pelbagai kegiatan kebahasaan dan kesusastraan yang melibatkan semua sektor secara menyeluruh.

Rjm 118

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/LSUNDRAM

TARIKH: 14 DISEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Manikavasagam a/1 Sundram [Kapar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) jumlah graduan universiti, pelajar lepasan sekolah dan pekerja yang dibuang diberi latihan di bawah kedua-dua Pakej Rangsangan Ekonomi serta jumlah yang dibelanjakan mengikut jenis latihan, negeri serta kaum; dan
- (b) daripada jumlah pelatih tersebut berapa ramaikah masih menganggur serta sebab-sebab keadaan ini berlaku. Berikan pecahan mengikut kaum.

PR-1233-L39707

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2009 telah melaksanakan Program Latihan dan Penempatan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama dan Kedua. Di bawah program tersebut, 39,035 peserta yang terdiri daripada 10,023 pekerja yang diberhentikan, 8,527 graduan dan 20,485 belia telah diberikan kemahiran dalam pelbagai bidang. Dari segi perbelanjaan, RM258,713,787.92 telah dibelanjakan untuk yuran kursus dan elaun peserta.

Sehingga kini, 26,719 peserta telah berjaya ditempatkan dalam pelbagai jenis pekerjaan.

Baki 12,316 peserta pula tidak dapat ditempatkan atas pelbagai sebab seperti berikut:

- (i) telah mendapat pekerjaan sendiri;
- (ii) memulakan pembiagaan sendiri;
- (iii) menyambung belajar;

- (iv) bekerja secara *homeworking / teleworking*; dan
- (v) mendapat pekerjaan di luar negara.

SOALAN NO. 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD
 [MUKAH]
TARIKH 14 DISEMBER 2010
SOALAN

Datuk Dr. Muhammad Loe Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah penyakit Demam Denggi meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Huraikan kes-kes pada tahun 2008 dan 2009 untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Dari pemantauan yang dijalankan oleh pihak kementerian, bilangan kes Denggi yang dilaporkan telah menunjukkan tren peningkatan yang berterusan dari 38,556 kes pada tahun 2006 kepada 48,846 kes pada tahun 2007 dan 49, 335 kes pada tahun 2008. Pada tahun 2009 dengan pelaksanaan Plan Strategik Denggi Kebangsaan 2009 - 2013, Kementerian berjaya menurunkan kes Denggi sebanyak 16% kepada 41,486 kes. Walaubagaimanapun, bagi tahun 2010, jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 4 Disember ialah sebanyak 44,143 kes iaitu telah

meningkat sebanyak 16% berbanding dengan 38,062 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009.

Bagi negeri Sarawak, pada tahun 2008, kes Demam Denggi yang dilaporkan adalah 1,517 kes di mana ia menyumbang sebanyak 3% dari jumlah keseluruhan kes Demam Denggi di Negara ini dan tiada kes kematian yang dilaporkan. Pada tahun 2009, terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan kes Demam Denggi yang dilaporkan iaitu sebanyak 4,490 kes dengan tujuh (7) kematian. Negeri Sarawak menyumbang sebanyak 11% dari jumlah Demam Denggi seluruh Negara dan merupakan negeri kedua terbanyak melaporkan kes Demam Denggi selepas negeri Selangor (45%), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya (9%). Untuk tahun 2010, sehingga 4 Disember, negeri Sarawak masih juga melaporkan bilangan kes Demam Denggi yang tinggi iaitu sebanyak 4,114 kes, meningkat sebanyak 21% (714 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2009 (3,400 kes). Ia menyumbang sebanyak 9.3% dari keseluruhan kes Demam Denggi yang dilaporkan dan merupakan negeri ketiga terbanyak melaporkan kes selepas negeri Selangor (36%) dan Johor (9.5%). Dalam tempoh ini juga, Sarawak telah melaporkan sebanyak 14 kematian, berbanding tiga (3) kematian yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT No. Soalan : 18

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARI PADA	TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA
TARIKH	MAHKOTA]
SOALAN	SELASA, 14 DISEMBER 2010
	Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah kedudukan terkini hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran terutama selepas insiden protes BENDERA dan Proses timbang tara Singapura isu caj-caj tanah KTMB.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks memelihara dan meningkatkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan terus memberi perhatian utama kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak dan yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendapatkan penyelesaian yang harmonis melalui pendekatan diplomasi dan proses rundingan dua hala di samping mengambil kira semangat kerjasama dan integrasi ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Izinkan saya menjelaskan isu-isu yang masih lagi memerlukan usaha berterusan dengan negara-negara jiran untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak.

Malaysia dan Singapura

3. Kerajaan memberi perhatian serius kepada pelaksanaan terhadap semua persetujuan yang telah dicapai di antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura mengenai pelaksanaan, dengan izin, *Points of Agreement* (POA) yang telah tertunggak selama 20 tahun. POA telah memperuntukkan pemindahan stesen keretapi KTMB di Tanjung Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* pada 1 Julai 2011, dan penubuhan sebuah syarikat usaha sama M-S Pte Ltd. Susulan daripada itu, persetujuan telah dicapai mengenai pertukaran tanah untuk dibangun bersama oleh M-S Pte Ltd. Manakala isu caj pembangunan, dengan izin,

development charge yang perlu dibayar oleh M-S Pte Ltd akan dibawa untuk proses timbang tara antarabangsa untuk mendapat penyelesaian secara baik. Sebuah pasukan pelaksanaan bersama, *Malaysia-Singapore Joint Implementation Team* (MS JIT) telah ditubuhkan untuk menyusul pelaksanaan POA. Mesyuarat MSJIT yang keempat diadakan pada 29 - 30 November 2010 di Singapura.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah-tanah KTMB di Singapura adalah merupakan tanah-tanah milik *Singapore Railway* yang dipajakkan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui “*Singapore Railway Transfer Ordinance*” bertarikh 25 Oktober 1918. Menurut Ordinan 1918, tanah-tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perkeretapihan sahaja dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan komersil yang lebih menguntungkan. Sekiranya tanah-tanah tersebut digunakan untuk tujuan lain selain daripada perkeretapihan, Kerajaan Singapura akan mengambil balik tanah-tanah tersebut tanpa pampasan.
5. Pemindahan tanah-tanah ini merupakan salah satu aspek daripada pelaksanaan POA yang boleh menyumbang kepada penyelesaian isu-isu dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Langkah ini membolehkan kedua-dua negara berjiran melihat ke hadapan ke arah peningkatan kepentingan bersama.
6. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga sedang berunding mengenai persempadanan maritim sebagai susulan kepada keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 berhubung kedaulatan ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Dalam hal ini, sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama ditubuhkan dan telah bermesyuarat 4 kali untuk melaksanakan keputusan ICJ tersebut.

Malaysia dan Indonesia

7. Malaysia dan Indonesia mempunyai beberapa isu tertunggak yang masih dalam proses rundingan termasuk isu-isu persempadanan maritim dan darat, dan penempatan tenaga kerja Indonesia. Kedua-dua negara akan terus berusaha mengendalikan isu-isu tersebut ke arah penyelesaian muktamad demi kebaikan bersama.
8. Kumpulan Teknikal kedua-dua negara telah bertemu sebanyak 16 kali untuk berunding bagi menyelesaikan isu-isu persempadanan maritim di Laut Sulawesi, kawasan paling Selatan di Selat Melaka, kawasan laut wilayah di Bahagian Timur Selat Singapura, sempadan laut wilayah di Selat Singapura, kawasan Zon Ekonomi Ekslusif (EEZ) di Selat Melaka dan EEZ di Laut China Selatan. Kedua-dua negara telah bersetuju pada 27 September 2010 untuk menubuhkan, dengan izin, *Border Management Forum* bagi mengelola isu-isu perbatasan secara menyeluruh.
9. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Indonesia telah diadakan sebanyak 39 kali bagi membincangkan titik-titik sempadan darat di antara Sabah dan Kalimantan Timur dan Kalimantan Tengah serta antara Sarawak dan Kalimantan Barat.
10. Kumpulan Kerja Bersama Malaysia-Indonesia telah bertemu sebanyak 6 kali bagi membincangkan kajian semula ke atas Memorandum Persefahaman (MoU) 2006 berhubung pengambilan dan

penempatan pembantu rumah dari Indonesia.

Malaysia dan Thailand

11. Secara amnya, Malaysia tidak mempunyai isu-isu rumit dengan Thailand. Kedua-dua negara kini sedang berusaha untuk memuktamadkan tiga Perjanjian Kerjasama dalam bidang Anti- Pemerdagangan Orang, Lintas Sempadan, dan Pengangkutan Barang. Sementara itu, kedua-dua negara telah selesai berbincang dan kini bersedia untuk menandatangani dua Perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang Sukan, dan Pengajian Tinggi.

12. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia dan Thailand berjaya membangunkan secara bersama kawasan bertindih di sempadan Malaysia dan Thailand yang kini dikenali sebagai *Joint Development Area* (JDA). Pembangunan kawasan tersebut ditadbir urus melalui Malaysia - Thailand *Joint Authority* (MTJA).

Malaysia dan Filipina

13. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina berada pada tahap yang baik dan harmoni. Pergolakan di Selatan Filipina tidak menjelaskan hubungan baik Malaysia dengan negara tersebut. Malah, permasalahan di Selatan Filipina sentiasa dibincang dalam pertemuan di antara pucuk pimpinan tertinggi Malaysia dengan negara tersebut bagi mencari jalan penyelesaian secara aman berdasarkan semangat kesepakatan dalam ASEAN.

14. Malaysia dan Filipina juga sedang membincangkan lima perjanjian berhubung kerjasama dalam bidang perburuhan, pelajaran, kesihatan,

kebudayaan, dan pertanian. Perbincangan-perbincangan ini diadakan melalui mekanisme-mekanisme dua hala sedia ada, termasuk Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Filipina di peringkat Menteri Luar Negeri.

15. Malaysia juga bersetuju dengan permintaan Kerajaan Filipina untuk terus memainkan peranan sebagai Pemudah Cara, dengan izin, *Facilitator* bagi rundingan damai di antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

Malaysia dan Brunei Darussalam

16. Kerajaan amat gembira dengan hasil pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 2010 di Putrajaya. Kejayaan pertemuan tersebut telah dimanifestasikan dalam Kenyataan Bersama antara YAB Perdana Menteri dan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di akhir Rundingan Tahunan kali ke-14 pada 21 September 2010 di Putrajaya.

17. Jawatankuasa Pelaksanaan *Exchange of Letters* Malaysia - Brunei telah mengadakan empat kali mesyuarat bagi membincangkan pelaksanaan elemen-elemen seperti yang terkandung dalam '*Exchange of Letters*' tersebut melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal. Saya berpuas hati dengan kemajuan dan perkembangan positif yang telah tercapai setakat ini.

18. Sebagai penutup, Malaysia terus komited untuk menyelesaikan isu yang tertunggak bersama negara-negara jiran secara perundingan/perbincangan dua hala dan pelbagai hala. Malaysia yakin ini merupakan langkah terbaik untuk mencapai penyelesaian secara aman

selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam ASEAN.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN** **No: 19**

DARI PADA **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
DEATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

TARIKH **14 DISEMBER 2010**

SOALAN **19**

Datuk Siringan Bin Gubat (Ranau) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kelayakan untuk sebuah daerah untuk diberi kelulusan bagi penggunaan plat nombor kenderaan. Bolehkan Kementerian mempertimbangkan untuk Ranau. seperti Sandakan,Tawau, Kudat dan Beaufort.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menurut peruntukan Seksyen 11, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Jadual Kelima, Bahagian II, (Tanda Indeks), Kaedah-kaedah Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan) 1959, tanda indeks atau plat nombor pendaftaran diberikan bagi menunjukkan kawasan pendaftaran sesuatu kenderaan. Ini bermaksud, suatu kawasan pendaftaran merujuk kepada negeri di mana kenderaan itu didaftarkan bagi Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak, plat nombor pendaftaran sesebuah kenderaan adalah mengikut daerah atau bahagian dalam negeri tersebut di mana kenderaan itu didaftarkan.

Memandangkan Ranau adalah satu mukim pentadbiran dalam Daerah Pantai Barat yang turut mengandungi mukim pentadbiran Kota Kinabalu, Penampang, Papar, Tuaran dan Kota Belud, maka tiada tanda indeks pendaftaran khas boleh diberikan kepada Ranau. Pada masa ini, Ranau menggunakan tanda indeks "SA" dan pendaftaran kenderaan dilakukan di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Kota Kinabalu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]
TARIKH : 14 DISEMBER 2010

SOALAN

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai-pegawai sedia ada serta pengambilan baru yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut pecahan kaum yakni Melayu, Peribumi Melayu-Melayu dan bukan Melayu. Apakah bilangan kes yang melibatkan rasuah RM10 juta ke atas yang telah

berjaya ditangani oleh SPRM setakat ini

JAWAPAN: YB DAT O' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sedia ada adalah seramai 1553 orang. Bilangan ini termasuk pengambilan baru sehingga 8 Oktober 2010 seramai 248 orang. Pecahan pegawai SPRM mengikut kaum adalah seperti berikut:

PEGAWAI SPRM	PECAHAN KAUM					JUMLAH
	MELAYU	CINA	INDIA	BUMI- PUTERA	LAIN- LAIN	
Lantikan Secara Tetap	1234	39	59	172	12	1516
Lantikan Secara Kontrak	9	24	3	1	-	37
JUMLAH	1243 (80.04%)	63 (4.06%)	62 (3.99%)	173 (11.14%)	12 (0.77%)	1553

Setakat ini tiada pertuduhan kes rasuah yang melibatkan suapan RM10 juta ke atas. Sekian terima kasih.

SOALAN (21)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
(TANGGA BATU)
TARIKH : 14 DISEMBER 2010
(SELASA)

SOALAN

Y.B. DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan YAB Perdana Menteri telah memperuntukkan sejumlah RM 500 juta dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi tujuan membaik pulih rumah-rumah mampu milik dengan kaedah tanggungjawab kolektif 1:1 (bagi setiap ringgit yang diperuntukkan oleh Kerajaan, pemilik akan menyediakan RM 1) agensi manakah yang akan dipertanggungjawabkan dan apakah syarat-syarat yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan melaksanakan program penyenggaraan dan pemberian rumah-rumah kos rendah awam dan swasta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) bermula pada tahun 2011, menggunakan peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-10. Antara syarat-syarat utama peruntukan ini adalah seperti berikut

- i) dana ini didasarkan kepada geran sepadan, di mana separuh daripada kos akan disumbang oleh Kerajaan, manakala separuh lagi oleh pihak pengurusan atau persatuan penduduk rumah berkenaan;
- ii) bantuan peruntukan hanya meliputi perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta sahaja; dan

- iii) Bantuan peruntukan adalah untuk membaiki kerosakan-kerosakan utama bagi harta bersama (*common property*) seperti kerja-kerja pembaikan bumbung, penyenggaraan tangga, tangki air, lif dan mengecat semula bangunan.

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Disember 2010

No: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWA RAKYAT
BAGI JAWAB LISAN**

PERTANYAAN

DARIPADA DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
(KUALA NERUS)

TARIKH 14 DISEMBER 2010

SOALAN

“DATUK MOHD NASIR BIN 22 IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula had laju kenderaan di semua jalan raya dan sejauh mana keupayaan jalan-jalan raya memenuhi keperluan peningkatan kenderaan setiap tahun”.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memantau dan mengkaji keperluan untuk mengubah had laju di jalan-jalan tertentu. Walau bagaimanapun, setakat ini had laju kebangsaan masih kekal pada 90 kilometer sejam (km/j) di jalan-jalan.

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan kenderaan berdaftar telah meningkat hampir sekali ganda dari 10,598,804 pada tahun 2000 kepada 20,006,953 sehingga Oktober 2010 dan dalam masa yang sama rangkaian jalan raya turut bertambah selari dengan tahap pembangunan sesuatu kawasan. Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melakukan kajian semula Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) di mana kajian ini telah mengambilkira faktor peningkatan trafik hasil dari peningkatan kenderaan motor berdaftar, pembangunan guna tanah dan sosio ekonomi rakyat. Hasil kajian tersebut digunakan untuk menentukan keperluan pembinaan jalan baru, jalan pintas, *missing link* dan penaiktarafan jalan dan persimpangan yang diperlukan untuk jangka masa sederhana dan panjang sehingga tahun 2025 mengikut keutamaan.

Bagi menentukan sesuatu jalan raya sama ada boleh atau tidak menampung keperluan trafik adalah sesuatu yang sukar diukur kerana sentiasa berubah-ubah. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan melalui agensi-agensi terbabit akan dilakukan bagi mengenalpasti keperluan pembinaan jalan-jalan alternatif dan menaiktaraf jalan sedia ada. Kerajaan juga telah mengambil insiatif yang komprehensif melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dengan meningkatkan sasaran penggunaan pengangkutan awam kepada 25% menjelang tahun 2012 bagi kawasan Lembah Klang. Langkah ini juga dilihat sebagai tindakan yang proaktif dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Lembah Klang.

PERTANYAAN	LISAN	NO.SOALAN	23
DARIPADA	TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED		
	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAAFAR ALBAR (KOTA TINGGI)		
	DEWAN RAKYAT, MALAYSIA		
TARIKH	14.12.2010 (SELASA)		

TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR (KOTA TINGGI) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bagaimanakan keberkesanan penguatkuasaan terhadap larangan penjualan minyak RON95 kepada warga asing semenjak ia dilaksanakan.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Sejak pelaksanaan larangan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing berkuatkuasa pada 16 Julai 2010, tiada tangkapan yang dibuat oleh penguatkuasaan Kementerian.

Warga asing tidak mempunyai masalah untuk mematuhi larangan penjualan petrol RON95 ke atas mereka memandangkan harga jualan petrol RON97 di Malaysia adalah lebih murah berbanding di negara jiran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA Tuan Karpal Singh [BukitGeiugor]

TARIKH 14 DISEMBER 2010

SOALAN 24

Tuan Karpal Singh [Bukit Geiugor] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sistem KPI yang terpakai terhadap hakim-hakim telah pun mengakibatkan ketidakadilan yang manifesto oleh kerana hakim-hakim mendesak pendengaran kes-kes tanpa menghiraukan keadilan kes tersebut untuk menyiapkan satu KPI yang baik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sistem KPI bukanlah menjadi agenda utama badan kehakiman dalam menyelesaikan kes-kes memandangkan kes-kes di mahkamah di seluruh negara telah diselesaikan melebihi bilangan yang biasanya dilupuskan di sesebuah mahkamah sebelum ini. Persoalan kualiti sesuatu penghakiman itu amat subjektif dan bergantung bagaimana sesuatu pihak itu mentafsirkannya. Adakah kualiti akan tercapai sekiranya sesuatu kes itu tertunggak bertahun-tahun tanpa ada

penyelesaian. Dalam suatu kes, misalnya kes jenayah, keadilan bukan sahaja terhadap tertuduh malah kepada mangsa dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam perbicaraan berkenaan.

Banyak kes di mahkamah telah berjaya diselesaikan disebabkan sebahagian besarnya oleh penambahbaikan dalam sistem kehakiman yang telah, sedang dan akan dibuat meliputi antaranya penggunaan teknologi terkini, perubahan sikap dan budaya kerja, pemantauan berterusan daripada pihak atasan, pendidikan dan latihan kehakiman yang sistematik serta kerjasama yang berterusan daripada pihak peguam, Jabatan Peguam Negara serta agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN Bagi Jawab Lisan

DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)

TARIKH 14 DISEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN 25

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan :

- (a) Apakah punca kelewatan bagi penyiapan Lapangan Terbang
Antarabangsa Kota Kinabalu; dan
- (b) Berapakah kos asal bagi projek ini dan berapakah jumlah tuntutan yang
telah dibayar setakat ini.

NO: 25

JAWAPAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Punca-punca kelewatian penyiapan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ialah kelewatian penyerahan tapak *Royal Sabah Turf Club* (RSTC), kemasukan syarikat penerbangan antarabangsa ke KKIA dalam tempoh kerja-kerja naik taraf (*chartered flight*) dan isu akses ke kawasan pembinaan *approach light*. Kelewatian juga disebabkan oleh masalah-masalah dalaman yang dihadapi oleh pihak kontraktor melibatkan masalah pengurusan dan masalah kewangan syarikat.

- (b) Untuk makluman, kos bagi Pakej 1 ialah RM720 juta. Jumlah tuntutan yang dibayar sehingga kini (Tuntutan No. 49) adalah sebanyak RM617,417,217.86. Bagi Pakej 2, kos projek ialah sebanyak RM720 juta dan jumlah tuntutan yang telah dibayar sehingga kini (Tuntutan No. 48) adalah sebanyak RM619,407,516.06.

NO. AUM : 12

NO. AUP : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI]
TARIKH	14 DISEMBER 2010
RUJUKAN	3154

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada satu siasatan akan dilakukan terhadap tuduhan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang mendakwa beriaku campur tangan dan gangguan pihak ketiga khususnya Kementerian Dalam Negeri dalam urusan PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Krai yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 4 Akta Polis 1967, Ketua Polis Negara adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pasukan polis. Sehubungan dengan ini juga, mengikut *Ministers of the Federal Government Order* dengan izin, Menteri Dalam Negeri ialah menteri yang bertanggungjawab mengenai polis.

Selain itu, Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Pengerusi Suruhanjaya Pasukan Polis adalah menteri yang bertanggungjawab ke atas polis; di mana fungsi-fungsi Suruhanjaya ialah untuk menguruskan pelantikan, kenaikan pangkat dan kawalan tata tertib ke atas semua pegawai dan anggota polis termasuklah Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai kanan polis.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, mantan Ketua Polis Negara telah dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 12 September 2006 dan dilanjutkan perkhidmatan secara kontrak sebanyak dua (2) kali

untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 13 September 2007 dan tempoh kontrak beliau berakhir pada 12 September 2010. Sebelum berakhirnya tempoh kontrak beliau, Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada beliau bahawa kontrak beliau tidak akan dilanjutkan. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa beliau tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai status perkhidmatan kontraknya adalah tidak benar.

Kementerian tidak bercadang untuk mengadakan siasatan terhadap dakwaan ini dan mengambil apa-apa tindakan ke atas beliau. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Ketua Polis Negara di atas sumbangan dan khidmat cemerlang beliau kepada Negara.

Tuan Yang Dipertua

Dakwaan mantan Ketua Polis Negara seperti yang dinyatakan iaitu terdapat campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis adalah tidak berdasar. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan PDRM dalam memastikan keselamatan Negara dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Selain itu aspek kebajikan anggota-anggota polis dan penambahbaikan prasarana turut diberi keutamaan oleh pihak kementerian.

Sebagai Menteri Dalam Negeri, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bahawa kementerian dan PDRM sentiasa bekerjasama untuk menjalankan tugas dengan cekap,

bertanggungjawab dan profesional.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN
HAJI SALLEH [KALABAカン]**

TARIKH 14 DISEMBER 2010

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta
PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) semenjak kemerdekaan selama 47 tahun berapa banyakkah jawatan tertinggi Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah dan Sarawak yang dijawat oleh pegawai-pegawai di negeri-negeri berkenaan; dan

- (b) bolehkah YB Menteri menyenaraikan nama dan jawatan jabatan yang berkenaan.

JAWAPAN **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

NO. SOALAN: 27

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang cemerlang dan kompeten tanpa mengira kaum dan negeri asal bagi memegang jawatan-jawatan penting dalam perkhidmatan awam Persekutuan. Seramai **tiga puluh lima (35)** anak negeri Sabah menerajui jabatan dan agensi Persekutuan di negeri Sabah manakala **tujuh puluh enam (76)** orang anak negeri Sarawak menerajui jabatan dan agensi Persekutuan di negeri Sarawak.
- (b) Berhubung senarai nama dan jawatan jabatan berkenaan yang dipohon oleh Y.B, memandangkan senarai yang ada pada saya adalah panjang, saya tidak bercadang untuk membaca senarai tersebut satu persatu di sini dan Y.B. akan dimaklumkan secara bertulis.

SENARAI KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DI SABAH DARI KALANGAN ANAK
NEGERI SABAH SEHINGGA OKTOBER 2010

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
1.	Dr. Mohd Yusof Bin Hj. Ibrahim Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Sabah
2.	Yaa. Jasri @ Nasip Bin Matjakir Ketua Hakim Syarie Negeri Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah
3.	Tuan Dr. Haji Muhiddin Yusin Pengarah Pelajaran Sabah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
4.	Puan Hajah Siti Aishah Bt. Mohd. Asri Pengarah Tenaga Kerja Sabah Jabatan Tenaga Kerja Sabah
5.	Encik Yusof Bin Haji Sarangit Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah Perbendaharaan Malaysia Sabah
6.	Tuan Haji Matusin Bin Sunsang Pegawai Kemajuan Negeri Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
7.	Tuan Haji Mohammad Bin Mentek Pengarah Jabatan Imigresen Sabah
8.	Encik Mahmud Bin Haji Amat Shah Pengarah Wilayah II Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Sabah
9.	Encik Alexander Yan Sze Wah Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, Sabah
10.	Tuan Haji Abd. Jaffear Bin Henry Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah
11.	En. Shamsul Bin Dollah Pengarah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
12.	Encik Abdul Malik Bin Tussin Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Cawangan Sabah
13.	Encik Mohd. Hekam Bin Terimoh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah , Jabatan Perkhidmatan Awam

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
	Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah , Jabatan Perkhidmatan Awam
14.	Encik Musa Bin Sulaiman Setiausaha Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Urus Setia Cawangan Sabah
15.	Cik Sh. Sitti Saleha Habib Yussof Ketua Pegawai Pentadbir Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Urus Setia Cawangan Sabah
16.	Encik Lajumardin @ Abdul Manaf Bin Lakariba Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Sabah
17.	Encik Kastian Bin Haji Dula Pengarah Pusat Latihan Kecemerlangan Koperasi (PULAKOP)
18.	Puan Salmah Bte Labulla Penolong Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak Jabatan Pertanian (Persekutuan) Malaysia
19.	Puan Junariah Binti Datu Derin Pengarah Biro Bantuan Guaman Cawangan Sabah
20.	Puan Yozimah @ Ziemah Binti Jasni Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
21.	Encik Johar Bin Julasbi Pengarah Kementerian Pertahanan Cawangan Sabah
22.	Encik Samasuddin Bin Lawe Pengarah Ikatan Relawan Rakyat (Rela) Malaysia
23.	Encik Humfrey J. Suimin Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan
24.	Encik Georgie Abas Pengarah Biro Pengaduan Awam Negeri Sabah
25.	Tuan Haji Mohd Dahali Bin Haji Matsin Pengarah Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut
26.	Puan Nely Nasir Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia, Negeri Sabah
27.	Tuan Haji Rahman Bin Mintek Pengarah Kesatuan Sekerja Sabah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
28.	Encik Bakri Bin Bibi Pengarah Agenzi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sabah
29.	Encik Md Marsidi Bin Katong Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan (KEMAS) Negeri Sabah
30.	Encik Azman Poji Pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri
31.	Puan Amisah Bt. Zakariah Ketua Cawangan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
32.	Encik Herdiansah Bin Abdul Karim Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Sabah
33.	Encik Ag. Askandar Bin Ampuan Yaacub Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sabah
34.	Encik Mohd. Amin Bin Aw. Jalleh Ketua Cawangan Kawal Selia Padi & Beras Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia
35.	Mejar Mat Jiamin Bin Maddalasi Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM Cawangan Negeri Sabah

SENARAI KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DI SARAWAK DARI KALANGAN
ANAK NEGERI SARAWAK SEHINGGA OKTOBER 2010

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
1.	Dr. Zulkifli Bin Jantan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
2.	Y.Bhg Mejari Jeneral Dato' Awie Bin Suboh Panglima 1 Divisyen Markas 1 Divisyen
3.	Y.Bhg. Datu Robert Lian Balangalibun Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sarawak
4.	Tuan Haji Mortadza Bin Haji Alop Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak
5.	Puan Hajah Jabidah Binti Monseri Pegawai Kewangan Persekutuan Perbendaharaan Malaysia Sarawak
6.	Puan Jamaiah Binti Haji Jol Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia
7.	Encik Gabriel Gumis Humen Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia Cawangan Sarawak
8.	Tuan Hj Hamdan Bin Hj Abd Hamid Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Bintulu
9.	Encik Khalid Khan Bin Abdullah Khan Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak
10.	Encik Grunsin Ayom Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia
11.	Y.Bhg Datu Haji Takun @ Takon Bin Sungah Pengarah Pilihanraya Negeri Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sarawak
12.	Laksamana Pertama Ismaili Bin Bujang Pit Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah Sarawak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Jabatan Perdana Menteri, (Wilayah Sarawak)
13.	Encik Mohamad Selihin Bin Hj Kachon Pengarah Jabatan Belia & Sukan
14.	Tuan Hj Azlisha Bin Ab. Aziz Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
15.	Encik Lee Ting Sing Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak
16.	Encik Abdillah Bin Adam Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Batu Lintang
17.	Encik Resat Bin Salleh Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia
18.	Dr Cornelia Charito Siricord Pengarah Jabatan Kimia Malaysia, Kuching
19.	Encik Huang Tiong Poh Pengarah Pejabat Wilayah III Jabatan Penerbangan Awam
20.	Y.Bhg Datin Hajah Zahrah Binti Haji Bujang Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Tun Abdul Razak
21.	Encik Raymond Gai Panting @ Gaie Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Rajang
22.	Dr. Zulmahari Bin Marawi Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Sarawak
23.	Encik Jasni Bin Hj Jubli Pengarah Bahagian Pembangunan Dan Pemantauan Projek (Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Cawangan Sarawak)
24.	Puan Tan Bi Fong @ Tong Bi Fong Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial [PERKESO]
25.	Puan Saerah Bt Sulaiman Ketua Cawangan Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
26.	Prof. Madya Dr. Jamil Bin Haji Hamali Pengarah Kampus Universiti Teknologi Mara [UITM] Cawangan Sarawak
27.	Encik Wong Teck Kiong Pengarah Meteorologi Jabatan Meteorologi Malaysia Cawangan Sarawak
28.	Encik Mohd Saiful Sungkiah Bin Abdullah Setiausaha Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Cawangan Sarawak

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
29.	Encik Jemat Bin Lih Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Negeri Sarawak Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan
30.	Tuan Haji Saini Bin Lih Pengarah Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara
31.	Encik Razaili Bin Hj Gapor Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
32.	Encik Sopian Bin Brahim Timbalan Pengarah Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
33.	Puan Asfah Bt Asmara Setiausaha Bahagian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
34.	Encik Ken Leben Penolong Pendaftar Pertubuhan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Negeri Sarawak
35.	Encik Astar Kumaroov Bin Mohammad Ketua Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Bahagian Pasca Perkhidmatan, Cawangan Sarawak
36.	Encik Yap Chung Hong Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sarawak (AADK) Kementerian Dalam Negeri (KDN)
37.	Puan Sabariah Bt Mohd Sofian Pengarah Wilayah Kem. Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)
38.	Encik Philip Stephen Shim Pengarah Negeri Biro Pengaduan Awam Negeri Sarawak Jabatan Perdana Menteri
39.	Encik Hamfatullah Syawal Bin Hamdan Pengarah Ikatan Relawan Rakyat Malaysia Sarawak (RELA)
40.	Encik Norman AK Peter Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Negeri Sarawak
41.	Encik Abg Rabaee Bin Abang Muhi Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan [KEMAS] Negeri Sarawak

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
42.	Encik Lim Inn Tong Pengarah Kesatuan Sekerja Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja
43.	Encik Dirwana Bin Haji Azool Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
44.	Encik Razali Bin Mamat Pengarah Mara Negeri Pejabat Mara Negeri Sarawak
45.	Encik Paza Bin Haji Dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan [FAMA] Pejabat Fama Negeri Sarawak
46.	Encik Jiso Rutan Pengarah Dewan Bahasa & Pustaka Cawangan Sarawak
47.	Encik Medan Insol Pegawai Pertanian Unit Kawalan Racun Perosak
48.	Encik Ngadi Bin Robin Pengarah Maktab Kerjasama Malaysia Cawangan Sarawak
49.	Encik Tedong Anak Bugak Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu [lada] Samarahan
50.	Tuan Haji Khamis Bin Mahdi Pengarah Kolej Komuniti Kuching Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
51.	Puan Annie Liaw Pengarah Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak
52.	Encik Wan Samsulri Bin Wan Hasbi Pengarah Negeri Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
53.	Puan Esther Douglas Udam Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak (Kementerian Pelancongan Malaysia)
54.	Encik Augustine Joshua Pengurus Cawangan Bank SME
55.	Encik William Abeng Kolej Komuniti Mas Gading Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

NO. SOALAN: 27

BIL.	NAMA KETUA JABATAN
69.	Encik Abang Mustapha Bin Abang Hamkah Pengarah Negeri Pusat Khidmat Kontraktor Kementerian Kerja Raya
70.	Cik Tuty Binti Bujang Pengurus Pembangunan Sumber Manusia Berhad Pejabat Cawangan Sarawak
71.	Encik Sophian Bin Osman Penolong Setiausaha Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia Suhakam Cawangan Sarawak,
72.	Encik Atek @ Sakas AK Sanggeng Pegawai Pendaftaran Dan Pentadbiran Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Cawangan Sarawak
73.	Cik Caroline Anne Ranyed Jackson Ketua Biro Sarawak Berita Nasional Malaysia [BERNAMA] Kuching
74.	Encik Ismail Bin Sahari Ketua Cawangan Kawalselia Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
75.	Encik Mohammad Suffian Bin Sahmat Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani) Cawangan Negeri Sarawak Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Samarahan
76.	Encik Tan Chee Kiong Pengarah Kolej Komuniti Miri

NO. AUM : 18

NO. AUP : 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]
TARIKH	14 DISEMBER 2010
RUJUKAN	3155

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah segera yang telah, sedang dan akan dijalankan bagi mengatasi isu kebanjiran warga asing di Ampang yang telah menimbulkan masalah sosial, pergaduhan dan kecurian.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti kehadiran warganegara asing di Malaysia lazimnya adalah berdasarkan tujuan kemasukan seperti berikut:

- i) Masuk ke Malaysia secara sah dengan tujuan lawatan sosial, seperti untuk melancong serta melawat saudara mara yang berada di negara ini; dan
- ii) Masuk ke Malaysia secara sah dengan tujuan untuk bekerja.

Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri buat masa ini tidak mempunyai satu mekanisme khusus untuk mendapatkan jumlah warganegara asing, sama ada sah atau tidak sah yang berada di mana-mana kawasan tertentu di Malaysia. Walau bagaimanapun, pemerhatian Kementerian mendapati kawasan Bukit Bintang dan Ampang sememangnya menjadi tempat tumpuan warganegara asing, memandangkan kawasan-kawasan berkenaan mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Antaranya kemakmuran ekonomi dari segi bertambahnya premis-premis perniagaan dengan kepelbagaian sosio-budaya menarik perhatian warganegara asing ke kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia mengalu-alukan kedatangan warganegara asing berkunjung ke negara ini. Dengan demikian, tiada langkah drastik boleh diambil oleh Kementerian bagi mengatasi kemasukan warganegara asing yang sah ke negara ini, selaras dengan dasar-dasar negara seperti dasar pelancongan, menjadikan negara hub pendidikan serantau, menggalakkan pelancongan kesihatan (atau *health-tourism*, dengan izin) dan lain-lain.

Sungguhpun demikian, antara usaha Kerajaan dalam mengawal kehadiran warganegara asing dan menangani gejala sosial dan jenayah adalah dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara. Dalam hubungan ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 4,748 operasi sehingga bulan September 2010. Dalam tempoh yang sama sejumlah 25,553 tangkapan telah dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) telah memutuskan untuk diadakan Makmal Pengurusan Warga Asing yang telah berlangsung dari 23 Mac 2010 hingga 23 April 2010.

Melalui Makmal ini, beberapa inisiatif telah dicadangkan yang merupakan langkah-langkah ke arah usaha mengurus kehadiran

warganegara asing di Malaysia dengan lebih berkesan, antaranya seperti berikut:

- (a) Memastikan pelaksanaan inisiatif Makmal diselaraskan di antara pelbagai Kementerian dan Agensi berkaitan, seperti pengurusan terhadap keberadaan pekerja asing dan pelajar asing; dan
- (b) Memantapkan kerjasama antara Kementerian dan Agensi berkaitan dalam tindakan yang diambil.

SOALAN NO: 29

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PARIPADA

PERTANYAAN

TARIKH

SOALAN

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]

14 DISEMBER 2010 (SELASA)

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI**

PERTANIAN DAN INDUSTRI LASAS TANI menyatakan:

- (a) Jumlah projek sakit pertanian khasnya di kawasan Parlimen Gelang Patah, dan
- (b) Langkah-langkah untuk membantu mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 tahun 2009, Projek Sakit didefinisikan sebagai projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan. Justeru, dimaklumkan bahawa tidak terdapat projek-projek yang dikategorikan sebagai projek sakit di kawasan Parlimen Gelang Patah.

Walaubagaimanapun, terdapat tiga projek bermasalah yang terdapat di kawasan Parlimen Gelang Patah iaitu:-

- i. Projek Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tanaman Cili Fertigasi, Kg. Tanjung Adang, Gelang Patah;

- ii. Projek Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tanaman Cendawan, Kompleks Penghulu Tg. Kupang; dan
- iii. Projek Pisang Berangan (Tanah Terbiar), Kg. Ladang, Mukim Tanjung Kupang.

Ketiga-tiga projek ini adalah dibawah peruntukan kerajaan negeri dan jumlah peruntukan yang dibelanjakan adalah sebanyak RM155,751.00. Diantara masalah- masalah yang dihadapi adalah:

- i. Ketidaksefahaman antara ahli kumpulan dan masalah pengurusan ahli kumpulan;
- ii. Peserta tidak berminat menyertai projek ini; dan
- iii. Serangan musuh perosak tanaman (babi hutan).

Beberapa langkah telah diambil untuk membantu bagi mengatasi masalah ini adalah:

- i. Memberi latihan teknikal kepada peserta;
- ii. Melantik usahawan yang berjaya sebagai mentor kepada projek ini; dan
- iii. Membuat sulaman semula pokok yang rosak.

No: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN

BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH 14 DISEMBER

2010 (SELASA)

SOALAN 30

Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah tujuan Kerajaan memaksa pemilik kereta yang disaman ekor membayar saman sebelum lesen cukai jalan boleh diperbaharui, walhal orang yang melakukan kesalahan 'saman ekor' belum dikenal pasti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil kira akan pandangan-pandangan rakyat mengenai isu saman ekor. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, saman ekor adalah satu istilah yang digunakan secara umum. Saman ekor sebenarnya merupakan Notis Pol.170A yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Notis Pol. 170A bukan merupakan saman yang mewajibkan pemilik kenderaan menjelaskan kompaun tetapi adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat bagi mengenalpasti pemandu yang melakukan kesalahan tersebut. Seterusnya tindakan menyekat urusniaga oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (senaraihitam) hanya dikenakan apabila pemilik kenderaan gagal mematuhi Notis Pol. 170A. Ini adalah

selaras dengan Seksyen 115 APJ 1987 yang menetapkan bahawa mana-mana orang yang gagal mematuhi notis ini adalah melakukan satu kesalahan.

Bagi maksud ini, tindakan boleh dikenakan di bawah Seksyen 119 APJ 1987 iaitu bagi kesalahan pertama pesalah boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan manakala bagi keslahan kedua denda tidak melebih RM4.000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan.

Mr Sl

PEMBERIT		
AHUAN		
PERTANY		
AAN		
PERTANY	DEWAN	JAWAB LISAN
AAN	RAKYAT	
DARIPADA		DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
TARIKH		14 DISEMBER 2010 (SELASA)
SOALAN		NO. 31

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian untuk menaik taraf Universiti Malaysia Siabah menjadi sebuah universiti sendiri (Full-Fledge University) berteraskan Industri Minyak & Gas dan Pusat Kewangan pesisir antarabangsa memandangkan kedudukan Labuan sebagai Hub bagi kedua-dua aktiviti berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menubuhkan IPTA baru di seluruh negara termasuk di Labuan. Kementerian juga akan terus mengekalkan Kampus Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah (UMSKL) sebagai kampus cawangan UMS dan tidak bercadang untuk menaik taraf kepada sebuah universiti awam.

SJ.B/(108)

DARIPADA

TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA

PERMINTAAN JAWAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

14.12.2010

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimana objektif NKRA boleh dicapai apabila laporan forensik mengenai kerugian Sime Darby Bhd berjumlah RM 2.09 bilion dirahsiakan sedangkan Menteri Kewangan II memberikan jaminan kepada Dewan Rakyat pada Jun 2010 bahawa laporan siasatan forensik jururunding bebas KPMG dan Deloitte akan dikemukakan dalam Dewan Rakyat apabila telah selesai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif NKRA boleh dicapai jika dilihat bagaimana masalah kerugian bahagian tenaga dan utiliti Sime Darby Berhad (Sime Darby) ditangani. Kaedah penyiasatan dan penyelesaian dilaksanakan secara tersusun serta melibatkan kerjasama erat antara pihak berkuasa dan syarikat berkenaan.

2. Sime Darby pada 20 September 2010 telah membuat pengumuman mengenai penemuan audit forensik ke atas kerugian yang berlaku bagi beberapa projek di bawah bahagian tenaga dan utilitinya dimana perunding-perunding perundangan dan forensik

telah menemui berdasarkan prima facie bahawa kemungkinan terdapat kemungkiran tugas dan tanggungjawab serta perlakuan yang tidak sepatutnya (*breaches of duties and obligations and inappropriate conduct*). Susulan penemuan tersebut, Lembaga Pengarah Sime Darby telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang termasuk membuat laporan kepada pihak berkaitan. Sime Darby turut membuat pengumuman susulan pada 22 September 2010 sebagai mana diminta oleh Bursa Malaysia.

3. Sejak tarikh pengumuman tersebut dibuat, Sime Darby telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan turut telah memberi taklimat kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengenai penemuan audit forensik tersebut.
4. Sime Darby telah melantik penasihat perundangan kanan bagi tindakan undang-undang yang akan diambil ke atas mereka yang didapati telah membuat kemungkiran tugas dan tanggungjawab. Sehubungan itu, bagi tujuan memelihara kepentingan Sime Darby, penasihat undang-undang telah menasihatkan Sime Darby agar merahsiakan maklumat terperinci laporan audit forensik dan bentuk tindakan undang-undang yang akan diambil. Pihak Sime Darby akan membuat pengumuman yang berkaitan apabila tindakan undang-undang selesai kelak.

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN
PERTANYAAN
DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)
TARIKH 14 DISEMBER 2010 (SELASA)
SOALAN DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED
[TUARAN] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TAN1
menyatakan:

Apakah projek-projek yang telah dan akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu Sabah meningkatkan pengeluaran padi yang mana setakat ini hanya dalam tahap tiga puluh peratus dari keperluan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk meningkatkan pengeluaran padi di Sabah, Kerajaan telah melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- (a) Pemulihan Tanah Sawah Terbiar;
- (b) Projek Berkelompok Peningkatan Hasil Padi;
- (c) Rancangan Pengairan dan Saliran;
- (d) Tanaman Padi Komersial Sabah; dan
- (e) Penyelidikan Tanaman Padi

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 107.7 juta bagi tahun 2010 bagi melaksanakan projek-projek tersebut. Peruntukan ini disalurkan kepada agensi-agensi di peringkat negeri seperti berikut:

- (a) Jabatan Pertanian;
- (b) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS);
- (c) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); dan
- (d) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Di samping itu, di bawah program Dasar Jaminan Bekalan Makanan peruntukan sebanyak RM80.9 juta telah diluluskan bagi projek-projek seperti berikut:

- (a) Program Perataan Tanah Sawah;
- (b) Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan dan Saliran; dan
- (c) Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran.

Jumlah pengeluaran padi di Sabah telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Berikut merupakan statistik pengeluaran padi di Sabah semenjak tahun 2007 sehingga tahun 2009 :

Tahun	Pengeluaran Padi (MT)
2007	123,303
2008	125,824
2009	163,115
2010	164,750 (unjuran)

:34 .

NO.
SOALA
N

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN
DARIPADA

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

TARIKH

LISAN

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
14.12.2010 (SELASA)
DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN
menyatakan kejayaan Kementerian dalam mendaftar peruncit- peruncit barang
kawalan seperti gula, tepung dan LPG di sebalik kekangan yang dihadapi dari
Persatuan Peniaga atau Peruncit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang muiia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengumumkan pelaksanaan semula pelesenan runcit gula, minyak masak dan tepung gandum mulai 1 Jun 2010., Sejak pelesenan tersebut diperkenalkan sehingga 30 September 2010, sebanyak 44,449 peruncit barang kawalan berjadual (gula, minyak masak dan tepung gandum) telah dilesenkan. Tiada masalah yang dihadapi dengan Persatuan Peniaga dan Peruncit selepas beberapa siri dialog dan perbincangan yang telah diadakan sebelum dan selepas pelaksanaan lesen runcit.

/K/-3S

DARIPADA	PEMBERIT AHU PERTANYA AN DEWAN
PERTANYAAN :	DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG) RAKYAT, LISA MAN

TARIKH	14.12.2010
--------	------------

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cukai yang diperolehi Kerajaan daripada kutipan tol di setiap lebuh raya dalam negara ini dan apakah tindakan yang diambil oleh Bank Negara mengenai kemungkinan penipuan yang berlaku dalam proses tambah nilai "Kad Touch n Go", dan berapa nilai kerugian setakat ini yang dihadapi melalui kaedah "Kad Touch n Go" ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas bayaran tol di setiap lebuh raya dalam negara ini. Dalam usaha untuk memastikan keselamatan operasi wang elektronik termasuk proses tambah nilai, pengeluar-pengeluar wang elektronik yang mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia untuk menjalankan operasi pengeluaran wang elektronik di bawah seksyen

25(1), Akta Sistem Pembayaran 2003 perlu mematuhi Garis Panduan Wang Elektronik yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Garis panduan tersebut adalah bagi memastikan pengurusan kewangan dan risiko serta operasi perniagaan dan sistem pengeluar-pengeluar wang elektronik dijalankan secara selamat dan efisien.

2. Bank Negara Malaysia juga sentiasa membuat pemantauan ke atas operasi pengeluar-pengeluar wang elektronik tersebut melalui pemeriksaan berkala bagi memastikan kepatuhan kepada garis panduan yang telah ditetapkan serta keselamatan operasi wang elektronik berada pada tahap yang memuaskan. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap mana-mana garis panduan, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas pengeluar-pengeluar wang elektronik di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003. Walau bagaimanapun, tindakan hanya akan diambil selepas kajian yang menyeluruh dilakukan ke atas ketidakpatuhan tersebut dan jenis tindakan yang diambil adalah bergantung kepada tahap ketidakpatuhan.
3. Pihak Touch n Go Sdn. Bhd. selaku pengendali perkhidmatan Touch n Go sentiasa memantau proses tambah nilai Kad Touch n Go bagi mengatasi kemungkinan berlakunya penipuan di dalam proses tambah nilai kad. Antara mekanisme yang dijalankan adalah melalui proses auditan secara berkala dan menyenaraihitamkan kad-kad di mana kes transaksi hilang yang diragui bagi tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga kini, sebanyak 94 Kad Touch n Go telah disenaraihitamkan kerana diragui kemungkinan berlakunya penipuan dan masih di dalam siasatan polis. Kerugian yang dianggarkan adalah

sebanyak RM230.000.00.

NO. AUM : 4

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN DATUK IR. ONG TEE KEAT [PANDAN]
DARIPADA 14 DISEMBER 2010
TARIKH 3153

SOALAN

Datuk Ir. Ong Tee Keat [Pandan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat ini sama ada penyiasatan polis terhadap kes PKFZ telah tamat. Jika sudah, bila ia tamat dan apa tindakan susulannya, Jika belum, mengapa ia mengambil masa yang begitu panjang, walaupun banyak hasil perjumpaan yang terkandung dalam laporan panel siasatan bebas yang ditubuhkan oleh Kementerian Pengangkutan pada 10 Jun 2010 boleh memudahkan penyiasatan polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pandan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis telahpun selesai menjalankan siasatan dan setakat ini lima (5) orang telah dituduh di Mahkamah Sesyen Klang dan Mahkamah Sesyen Putrajaya.

NO SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH

14 DISEMBER 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana FELDA terhindar dari elemen korupsi dan penyelewengan serta benarkah kesusutan tabungnya berada di paras kritikal. Apakah langkah yang diambil bagi membersihkan kembali persepsi buruk terhadapnya sejak mahkamah mendapati ada perbincangan dalam pentadbirannya.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 sentiasa mengamalkan tadbir urus korporat yang telus dan cekap. FELDA menggunakan amalan tadbir urus yang baik seperti mana di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (KOD). Bahagian Audit Dalam FELDA telah ditubuhkan bagi melaksanakan

pengauditan kewangan, pematuhan, pengurusan, komputer dan siasatan. Peranan Audit Dalam FELDA mengukuhkan lagi kawalan dalaman dengan memberikan khidmat nasihat dan cadangan bagi penambahbaikan kepada pengurusan. Laporan yang disediakan oleh Audit Dalam FELDA dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga yang bermesyuarat setiap suku tahun.

Pada tahun 2010, FELDA mengukuhkan lagi tadbir urus FELDA dengan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi merangka dan melaksanakan strategi dan polisi pengurusan risiko yang baik selaras dengan perkembangan aktiviti yang dilaksanakan oleh FELDA. Sebagai sebuah badan berkanun, Penyata Kewangan FELDA disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Sehingga kini, FELDA sentiasa mendapat Sijil Ketua Audit Negara yang bersih mengenai Penyata Kewangan FELDA setiap tahun.

FELDA mengamalkan pengurusan tunai yang seimbang kerana sekiranya FELDA mempunyai simpanan tunai yang tinggi, ianya hanya memberikan pulangan yang minimum. Kedudukan tunai FELDA yang menyusut sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah disebabkan FELDA telah menyusun semula peruntukan aset (*asset allocation*) daripada simpanan tunai yang tinggi kepada pelaksanaan pelaburan aset yang mampu memberikan pulangan yang lebih lumayan antaranya melaksanakan pelaburan dalam pelaburan jangka panjang seperti pengambilalihan syarikat dan pemilikan ekuiti. Selain daripada itu, penyusutan ini juga adalah disebabkan oleh perbelanjaan untuk manfaat peneroka seperti

program tanam semula kebun, bukan disalahgunakan. Aset FELDA telah melonjak antara tahun 2004 - 2009 sebanyak RM6.2 bilion kepada RM15.37 bilion dibanding penyusutan tunai RM2.73 bilion dalam tempoh yang sama.

Pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk memberikan persepsi positif terhadap FELDA. Antaranya ialah menubuhkan Jawatankuasa Persepakatan Bersama (JCC) bagi mengatasi masalah penghantaran buah tandan segar (BTS) di rancangan. Keanggotaan JCC terdiri daripada pengurusan FELDA, pengurus kilang, wakil peneroka serta wakil daripada FELDA Agriculture Services Sdn Bhd (FASSB). JCC akan menyemak timbangan semasa penghantaran BTS serta menilai kualiti BTS. Langkah ini dapat mengawal penghantaran BTS muda dan meningkatkan Kadar Perahan Asas (OER). Mesyuarat diadakan pada setiap bulan bagi menyelesaikan masalah yang timbul antara rancangan dan kilang secara perundingan dan persepakatan bagi mengekalkan hubungan baik antara semua pihak.

Selain itu, FELDA mengadakan Program Gerak Mesra 1 FELDA (PGM1F) di rancangan terpilih bagi setiap Wilayah. PGM1F dilaksanakan untuk merapatkan hubungan antara pengurusan FELDA khususnya di Ibu Pejabat dengan warga peneroka. Kaunter aduan pelanggan dibuka bagi memberi ruang kepada peneroka untuk berbincang dan mendapatkan penjelasan mengenai sebarang isu yang timbul. Ini secara tidak langsung dapat membantu FELDA menyampaikan maklumat yang tepat, mendapat maklum balas daripada peneroka serta menyelesaikan masalah dengan

kadar segera. Selain itu, aktiviti seperti kerohanian, lawatan ke rumah pesakit kronik dan uzur, sukan dan kebudayaan telah diadakan untuk menambah kemesraan antara pengurusan FELDA dan peneroka. Sehingga kini, PGM1F ini telah dilaksanakan di sembilan (9) daripada 11 wilayah.

FELDA turut memperkasakan peranan pengurus di rancangan dengan menjadikan mereka sebagai perantara antara pengurusan FELDA dengan peneroka. Ini bagi membolehkan masalah-masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan kadar segera selain membantu memberi penerangan kepada peneroka. Peranan institusi peneroka seperti Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan Gerakan Persatuan Wanita (GPW) terus diperkuuhkan melalui perbincangan, mesyuarat blok dan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat rancangan. Institusi-institusi ini merupakan platform untuk peneroka menyampaikan pandangan serta dapat mengekalkan hubungan yang baik dengan pengurusan FELDA. Selain itu, Jawatankuasa Perundingan Peneroka (JKPP) yang diwakili oleh setiap wilayah turut ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu berkaitan peneroka serta menyampaikan dasar atau polisi baru FELDA untuk diterangkan kepada peneroka-peneroka peringkat masing-masing.

FELDA turut mengambil bahagian dalam laman sosial seperti Facebook, Blog dan Twitter selain sistem e-aduan sebagai satu mekanisma untuk mendengar aduan dan pendapat peneroka. Kemajuan teknologi ini digunakan bagi meningkatkan interaksi antara FELDA dan peneroka serta dapat menyampaikan maklumat dengan lebih cepat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT

[KUALATERENGGANU]

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14.12.2010

Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat yang dibina di Terengganu sehingga September 2010 oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta nyatakan jumlah duit dana khas dari Royalti Petroleum Terengganu yang telah digunakan oleh SPNB dari tahun 2000 hingga September 2010 untuk membina rumah di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya sehingga Oktober 2010, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah meluluskan 2,307 permohonan di Terengganu melalui program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Berdasarkan jumlah ini, 1,997 unit telah diserah kunci dan 310 unit di dalam proses pembinaan dan perjanjian. Sehingga September 2010, jumlah duit Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan kepada SPNB bagi pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara adalah RM 873.4 juta.

Daripada jumlah ini, sebanyak RM102 juta digunakan untuk melaksanakan RMR di Terengganu dan sebanyak RM771.4 juta untuk pelaksanaan RMR di negeri-negeri lain. Pada masa ini, pelaksanaan bagi program Rumah Mampu Milik (RMM) di Terengganu masih belum dilaksanakan lagi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
 [BANDAR KUCHING]
TARIKH 14 DISEMBER 2010
SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah syarat untuk Kerajaan Persekutuan mengambil alih Sarawak International Medical Centre (SIMC) daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Bilakah SIMC akan berfungsi dan beroperasi dan berapakah peruntukan akan disuntik oleh Kerajaan Persekutuan supaya SIMC akan berfungsi dan beroperasi.

Tuan Yang DiPertua,

Syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi pengambilalihan *Sarawak International Medical Center* (SIMC) ialah keseluruhan bangunan SIMC serta kemudahan akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk digunakan secara percuma bagi tempoh dua (2) tahun pertama. Terma selepas dua tahun akan dirundingkan dalam masa terdekat.

SOALAN NO. 39

|

Adalah dijangkakan SIMC akan berfungsi dan beroperasi pada 1 Januari 2011 sebagai pusat untuk perkhidmatan Kardiorasik. Lain-lain perkhidmatan akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan setempat dan kesediaan Kementerian terutamanya keupayaan penyediaan modal insan sebagai tenaga kerja di SIMC nanti.

Bagi memulakan perkhidmatan pada 1 Januari 2011, SIMC mempunyai cukup kemudahan dan kelengkapan untuk berfungsi terus dan hanya memerlukan sedikit suntikan kewangan kerana Jabatan Kardialogi dan Kardiorasik adalah jabatan sedia ada yang akan berpindah secara menyeluruh dari Hospital Umum Sarawak dengan sekali gus membawa peralatan, tenaga manusia dan peruntukan operasi. Suntikan tambahan tersebut adalah untuk menampung kos perkhidmatan dan seterusnya untuk penyelenggaraan hospital (utiliti, kawalan keselamatan & perkhidmatan sokongan hospital) yang dianggarkan sejumlah RM14.6 juta setahun.

NO. SOALAN:40.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]**

TARIKH 14 DISEMBER 2010 [SELASA]

SOALAN:

**Tuan Mohd Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah pencapaian Kerajaan dalam bidang pengurusan zakat dan wakaf setelah lebih 5 tahun Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ditubuhkan;**
- (b) apakah status penubuhan International Zakat Organisation dan apakah pencapaian Yayasan Waqaf Malaysia.**

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah ditubuhkan pada 27 Mac 2004 dengan objektif untuk memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah. Selaras dengan objektif tersebut, JAWHAR telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti terutamanya ke arah memperkasakan pengurusan wakaf dan zakat negara. Antaranya adalah:
- i) pembangunan harta tanah wakaf;
 - ii) pewujudan data tanah wakaf;
 - iii) penerbitan Manual Pengurusan Wakaf Jawhar;
 - iv) pengajuran *World Zakat Conference*;
 - v) pengajuran Bulan Zakat Kebangsaan;
 - vi) pengajuran *International Zakat Executive Development Program (IZEDP)*; dan
 - vii) penubuhan Dewan Zakat MABIMS

JAWHAR akan meneruskan usaha dengan bantuan semua pihak bagi memartabatkan wakaf dan zakat dalam arus perdana ekonomi negara.

- (b) Mengenai penubuhan *International Zakat Organization (IZO)*, sukahal

saya memaklumkan bahawa inisiatif penubuhan IZO telah dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri, YABhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi sejak 2005 semasa Malaysia menjadi Pengurus OIC. Buat masa sekarang, penubuhan IZO sedang diperingkat akhir setelah beberapa siri perbincangan dan seminar diadakan kerana penubuhannya perlu mendapat penaja dan sokongan sekurang-kurangnya 5 buah negara.

Berhubung dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), ia telah ditubuhkan oleh JAWHAR pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dengan tujuan untuk bersama-sama dengan MAIN dalam membangun dan memajukan harta tanah wakaf di seluruh negara.

Memandangkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM terdiri dari wakil-wakil setiap MAIN, semua aktiviti YWM telah mendapat sokongan dari semua MAIN yang diputuskan menerusi Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM. Antara aktiviti dan pencapaian yang telah diperolehi YWM sepanjang penubuhannya adalah seperti Wakaf Tunai Malaysia, pembangunan Projek Kecil Berimpak Besar, kerjasama strategik dan penubuhan Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB).

Sekian, terima kasih.